

Khadhir". Dalam keadaan begitu Ubai Bin Ka'ab lalu dekat mereka berdua. Ibnu 'Abbaas memanggilnya, lalu berkata: "Saya telah bertengkar dengan sahabat saya ini tentang orang yang dicari Musa iaitu orang yang Musa meminta petunjuk jalan (daripada Allah) untuk menemuinya, adakah engkau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. ada menyebut tentangnya?" Ubai Bin Ka'ab menjawab: "Ya. Saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Ketika Musa sedang berada dalam satu kumpulan Bani Isra'il, tiba-tiba datang seorang lelaki. Dia bertanya (Musa): "Adakah engkau tahu ada orang lain yang lebih 'alim daripadamu?". Musa berkata: "Tidak ada".¹⁹⁶ Maka Allah mewahyukan kepada Musa: "Bahkan ada,¹⁹⁷ iaitu hamba Kami Khadhir".¹⁹⁸ Musa pun meminta

¹⁹⁶ Nabi Musa a.s. menjawab begini bukan kerana sombong tetapi hanya sebagai jawapan kepada orang yang bertanya: "Adakah engkau tahu ada orang yang lebih 'alim daripadamu?". Pertanyaannya bukan "Adakah ada orang yang lebih 'alim daripadamu?", maka Baginda hanya sekadar menjawab: "Tidak ada." Maksudnya ialah sepengetahuanku. Oleh kerana Baginda seorang Nabi dan Nabi-lah seorang manusia yang paling 'alim bagi sesuatu umat, yang paling banyak mengetahui hukum-hakam dan penyelesaian masalah melalui wahyu Allah s.w.t.

Bagi 'ulama' yang berpendapat Khadhir adalah malaikat, jawapan Nabi Musa a.s. tidak salah kerana yang ditanya adalah 'orang' dan Baginda juga menjawab tidak ada 'orang' yang lebih 'alim.

¹⁹⁷ Allah s.w.t. tidak berkenan dengan jawapan Nabi Musa a.s. lantaran ia tidak sesuai dengan kedudukannya. Musa sepatutnya menjawab dengan berlapis sedikit, seperti: "Setakat pengetahuan saya, tidak ada" atau "Wallahu a'lam", kerana tentu sekali Nabi Musa a.s. juga percaya kepada apa yang disebut Allah di dalam al-Qur'an:

وَنُؤْتِي كُلَّ دِينٍ حَكْمًا ۝

Bermaksud: dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui. (Yusuf:76).

Demikianlah muhasabah dari Allah s.w.t. terhadap Nabi Musa. Ia bukan kerana kemurkaanNya, tetapi kerana sayangkan utusanNya. Akibat dari teguran Allah itu Nabi Musa a.s. terpaksa berpenat lelah keluar mengembara untuk mendapatkan lagi ilmu, semata-mata kerana telah memberi jawapan yang mengandungi sedikit sahaja bayangan kesombongan.

Allah s.w.t. menegur NabiNya dan hambanya supaya tidak bersikap sombong, mendabik dada dengan sedikit ilmu yang diberikan olehNya.

¹⁹⁸ Para 'ulama' berbeda pendapat tentang banyak perkara berhubung dengan Khadhir. Antaranya tentang:

- (1) Nama sebenarnya. Adakah Khadhir itu nama sebenarnya atau tidak?
- (2) Kenapa dia dipanggil Khadhir?

(3) Adakah dia seorang nabi, wali, jin atau malaikat?

(4) Adakah dia diterima dia manusia, adakah dia masih hidup atau telah meninggal dunia (mati)?

(5) Siapa lebih 'alim sebenarnya, Nabi Musakah atau Khadhir?

Itulah sebahagian daripada persoalan yang memerlukan pencerahan.

Jawapan kepada persoalan pertama:

Khadhir bukan nama sebenarnya. Ia hanya nama gelaran. Adapun nama sebenarnya, maka para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. Ada yang mengatakan Balya, ada yang mengatakan Ilyas, ada yang mengatakan Alyasa', ada yang mengatakan 'Aamir dan ada pula yang mengatakan Khadhruun.

Tetapi pendapat yang paling rajih (kuat) berhubung dengan nama dan silsilah nasabnya adalah seperti berikut:

Balya bin Malkān bin Fāligh bin 'Aamir bin Syālikh bin Arfakhsyadz bin Sām bin Nūh a.s. Demikianlah disebutkan oleh Hafizh Ibnu Hajar di dalam Fathul Bāri dan Ibnu Qutaibah di dalam al-Ma'ārif.

Jawapan kepada persoalan kedua:

Terdapat beberapa pendapat pula tentang sebab beliau digelar dengan Khadhir atau Khidhr. Menurut Mujāhid, sebabnya beliau dipanggil Khadhir ialah kerana bila beliau bersembahyang, akan menghidupkan kawasan sekelilingnya.

Imam Bukhari mengemukakan satu riwayat yang marfū' daripada Abu Hurairah tentang kenapakah beliau dinamakan (digelar dengan nama gelaran) Khadhir. Kata Abu Hurairah, Nabi s.a.w. bersabda:

إِنَّمَا سُمِّيَ الْخَضِرَ أَنَّهُ جَلَسَ عَلَى فَرْوَةٍ بَيْضَاءَ فَإِذَا هِيَ تَهْتَزُّ مِنْ خَلْفِهِ خَضِرَاءَ

Bermaksud: Sebabnya dia dinamakan Khadhir ialah kerana apabila dia duduk di atas rumput yang kering, rumput itu setelah dia bangun akan bertukar menjadi hijau dan hidup subur.

Inilah tentunya jawapan yang paling sahih tentang kenapa beliau digelar dengan Khadhir.

Jawapan kepada persoalan ketiga:

Para 'Ulama' juga khilaf (berbeda pendapat) tentang Khadhir, adakah dia seorang wali, nabi atau malaikat?

(1) Abul Qāsim al-Qusyairi dan sekumpulan 'ulama' berpendapat, Khadhir adalah seorang wali (kekasih) Allah.

(2) Ibnu 'Athiyyah, Baghawi dan lain-lain menukilkan daripada kebanyakan ahli ilmu bahawa mereka berpendapat Khadhir seorang nabi. Kemudian mereka (ahli ilmu) berbeda pendapat lagi tentang adakah dia seorang nabi sahaja atau dia juga seorang rasul Allah?

Imam al-Qurthubi berkata, menurut jumhur 'ulama' Khadhir adalah seorang nabi. Alasan mereka ialah:

(i) Itulah yang dapat difahami daripada kenyataan al-Qur'an tentangnya.

(ii) Seorang nabi lagi rasul seperti Nabi Musa a.s. tidak akan berguru kecuali dengan seorang nabi sepertinya juga. Tidak mungkin seorang nabi akan berguru dengan seorang wali sahaja.

(iii) Hanya seorang nabi jua dapat mengetahui perkara ghaib secara pasti dan diyakini melalui wahyu dari Allah s.w.t.

(iv) Semasa dalam perjalanan bersama Musa, Khadhir telah melakukan beberapa perkara yang menyalahi Syari'at, tentu sekali dia dapat menyalahi Syari'at kerana telah mendapat wahyu daripada Allah yang mengecualikannya daripada sesuatu hukum Syari'at yang ma'lum.

Hakikat inilah yang diungkapkan oleh Khadhir dan dirakamkan oleh Allah di dalam al-Qur'an pada ayat ke-82 Surah al-Kahfi:

وَمَا فَعَلْنَاهُ عَنْ أَمْرِیْ

Bermaksud: ...Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri... (al-Kahfi:82).

Hamba (manusia atau jin) yang perlu mengikuti Syari'at ialah yang tidak diberikan ilmu khusus kepadanya, adapun hamba yang diberikan ilmu khusus seperti Khadhir itu, dia terkecuali daripada beberapa hukum Syari'at kerana mendapat kebenaran daripada Allah s.w.t. menerusi wahyu yang sampai kepadanya. Orang yang mempunyai keistimewaan mendapat wahyu seperti itu tentunya seorang Nabi, bukan wali.

Seorang wali biar bagaimana tinggi sekalipun darjatnya di sisi Allah, tetap tidak mempunyai keistimewaan mendapat wahyu daripada Allah. Paling hebat pun seseorang wali itu, dia hanya dikasyaf atau diilhamkan tentang sesuatu perkara, namun apa yang diperolehinya tidaklah terjamin seperti wahyu daripada Allah s.w.t.

Alasan bagi orang-orang yang berpendapat Khadhir itu nabi seperti disebutkan oleh al-Qurthubi di atas sebenarnya berpunca daripada beberapa firman Allah di dalam Surah al-Kahfi juga. Lihat ayat-ayatnya di bawah ini:

(a) Ayat yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab ke-16 di atas, iaitu:

هَلْ أَتَيْكَ عَلَى أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عُلِّمْتُ رُشْدًا

Bermaksud: "Bolehkah aku mengikutimu untuk kau ajarkan kepadaku sebahagian daripada ilmu yang telah diajarkan kepadamu?" (al-Kahfi:66).

(b) Ayat ke-65 Surah al-Kahfi:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا ءَاتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِندِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا لَدُنَّا عَلَيْنَا

Bermaksud: Lalu mereka bertemu dengan seorang hamba di antara hamba-hamba Kami, yang telah Kami berikan kepadanya rahmat dari sisi Kami, dan yang telah Kami ajarkan kepadanya ilmu (yang khusus) dari sisi Kami. (al-Kahfi:65).

(c) Ayat ke-82 Surah al-Kahfi yang telah pun dikemukakan sebelum ini:

وَمَا فَعَلْنَاهُ عَنْ أَمْرِیْ

Bermaksud: ...Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri... (al-Kahfi:82).

(3) Sesetengah 'ulama' pula berpendapat Khadhir bukan wali dan bukan juga nabi, sebaliknya dia adalah malaikat yang telah menjelma sebagai manusia dengan perintah dan izin Allah, untuk memberi sedikit pengajaran kepada Nabi Musa dan membuka mata umat manusia tentang hikmat-hikmatNya di sebalik kejadian-kejadian yang berlaku di alam semesta.

Menurut Ibnu Katsir di dalam Tafsirnya, al-Mawardi telah menukilkan pendapat ini di dalam Tafsirnya. Antara tokoh tafsir moden yang berpendapat Khadhir malaikat, bukan wali dan bukan juga nabi ialah Maulana Maududi.

Maulana Maududi dan orang-orang yang sependapat dengannya membantah apa yang disebutkan sebagai dalil-dalil daripada al-Qur'an dan hadits yang menunjukkan Khadhir sebagai nabi dengan berkata:

(a) Firman Allah yang menyebut Khadhir sebagai عبدا من عبادنا (seorang hamba di antara hamba-hamba Kami) di dalam ayat ke-65 Surah al-Kahfi itu tidak boleh dianggap sebagai dalil yang terang tentang Khadhir itu seorang manusia, apalagi untuk dijadikan dalil bagi kenabiannya. Ini kerana perkataan عبد (hamba) di dalam al-Qur'an tidak semestinya digunakan dengan ma'na manusia, malah ia juga digunakan untuk malaikat, lihat sebagai contohnya dua firman Allah s.w.t. ini:

وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ﴿٦٥﴾

Bermaksud: Dan mereka (yang musyrik) berkata: "(Allah) Ar-Rahman mempunyai anak". Maha Sucilah Dia. Bahkan (mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hambaNya yang dimuliakan (malaikat). (al-Anbiya':26).

Di dalam firman Allah perkataan عباد yang merupakan kata jama' bagi عبد telah digunakan untuk malaikat.

وَجَعَلُوا الْمَلَائِكَةَ الَّذِينَ هُمْ عِبَادُ الرَّحْمَنِ إِنثًا أَشَهِدُوا خَلْقَهُمْ سَتُكْتَبُ شَهَادَتُهُمْ وَيُسْأَلُونَ ﴿٦٦﴾

Bermaksud: Dan mereka pula menyifatkan malaikat yang merupakan hamba-hamba Allah Yang Maha Remurah itu sebagai orang-orang perempuan. Adakah mereka menyaksikan kejadian malaikat itu? Akan dituliskan kata-kata mereka (yang dusta itu), dan mereka akan ditanya kelak (serta akan menerima balasannya). (az-Zukhruf:19).

Di dalam firman Allah ini juga para malaikat disebut sebagai hamba-hamba Allah.

(b) Perkataan رجل untuk Khadhir yang tersebut di dalam sesetengah versi hadits kisah pertemuan Nabi Musa dengan Khadhir juga tidak boleh dijadikan alasan tentang kemanusiaannya, apalagi untuk dijadikan alasan untuk kenabiannya. Sebabnya ialah perkataan itu juga ada digunakan untuk bukan manusia, contohnya firman Allah ini:

وَأَنذَرَهُمْ كَانِ رَجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا ﴿٦٧﴾

Bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat. (al-Jinn:6).

Di dalam ayat ini, sebagaimana perkataan رجال yang merupakan kata jama' bagi perkataan رجل digunakan untuk manusia, ia juga digunakan untuk jin.

(c) Salah satu dalil Khadhir bukan manusia malah sebaliknya dia adalah malaikat ialah tindakannya mencabut nyawa seorang kanak-kanak yang tidak berdosa seperti di sebut Allah pada ayat ke-74 Surah al-Kahfi. Mencabut nyawa bukan tugas manusia atau jin yang mukallaf, ia hanya tugas malaikat.

Manusia atau jin adalah makhluk mukallaf. Apabila ia melakukannya, ia akan dianggap telah membunuh atau meragut nyawa orang yang tidak bersalah tanpa kebenaran daripada Allah. Itulah sebabnya Nabi Musa a.s. menegumya.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah Allah s.w.t. hendak menunjukkan kepada Nabi Musa a.s. bagaimana malaikat mencabut nyawa seseorang menurut ketetapan di alam takwiniNya.

Ini kerana tidak ada satu pun syariat yang dibawa oleh mana-mana nabi - dari Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad - membenarkan pembunuhan. Kalau diterima Khadhir sebagai seorang nabi sekalipun, maka menurut Syari'at yang dibawanya juga membunuh itu satu perbuatan yang haram dan berdosa. Nabi Musa a.s. telah menegumya, kerana membunuh orang bercanggah dengan syariat Baginda.

Oleh kerana Khadhir bagi golongan ini adalah malaikat yang datang (menjelma) dalam rupa manusia, maka dia tidak bersalah membunuh manusia, kerana dia tidak terikat dgn Syari'at mana-mana nabi. Membunuh atau mengambil nyawa menurut hukum takwini Allah memang merupakan tugasnya.

#Tetapi yang shahih adalah pendapat yang mengatakan beliau seorang manusia. Peristiwa beliau membunuh kanak-kanak itu pula tidak dapat dielakkan kerana Allah s.w.t. telah menunjukkan kepadanya apa yang perlu dilakukannya sesuai dengan taqdirNya cuma ditunjukkan juga kepada Nabi Musa a.s.

#Terdapat persoalan tentang adakah Khadhir lebih 'alim dari Nabi Musa a.s. dari semua sudut atau hanya pada ilmu-ilmu tertentu sahaja? Jika Khadhir tidak dianggap sebagai seorang Nabi, maka bolehkah pula seorang manusia biasa mempunyai ilmu yang lebih tinggi daripada seorang Nabi? Jika Khadhir dianggap seorang Nabi sekalipun, bolehkah ilmu seorang Nabi melebihi ilmu seorang Rasul? Di manakah pula berada umat Khadhir?

Maka tentunya Khadhir tidak lebih 'alim dari semua sudut, sama ada dari sudut علم كوني sahaja atau علم تكويني sahaja, Nabi Musa a.s. pula 'alim dari sudut علم تشريعي. Namun ilmu kejadian alam dan rahsiannya yang dikasyaf Allah s.w.t. kepada mana-mana hambanya tidaklah seistimewa ilmu syariat kerana tidak diwajibkan untuk mengetahuinya dan jika mengetahuinya pun tidak menentukan bahagia atau celaka seseorang itu di dunia dan akhirat, berbeza dengan ilmu syariat yang boleh menyebabkan seseorang itu masuk ke syurga atau neraka.

Bukanlah juga berma'na Allah s.w.t. tidak langsung memberitahu apa-apa ilmu kejadian alam dan sunnatullah kepada Nabi Musa a.s., tetapi dalam beberapa perkara tidak diberikan ilmu itu kepada Baginda. Ada riwayat yang menceritakan ketika Nabi Musa a.s. bertemu Khadhir, beliau berkata: "Mengapa engkau seorang Nabi datang bertemu saya untuk belajar ilmu?" dan Nabi Musa menjawab: "Allah sudah memberitahuku bahawa kamu mempunyai suatu ilmu yang aku masih belum perolehi dan aku tidak akan pulang dengan tangan kosong".

Khilaf yang seterusnya tentang Khadhir apabila dikatakan dia seorang manusia ialah adakah beliau masih hidup atau sudah meninggal dunia? Majoriti ahli tasawuf menerima beliau masih hidup manakala ahli hadits pula menolak kenyataan tersebut.

Ibnu Sholah dan Imam Nawawi mengatakan Khidhir masih hidup, majoriti ahli tasawuf juga menerima beliau masih hidup dan sudah hidup sejak zaman Nabi Nuh, bahkan ada yang menerima sejak zaman Nabi Adam. Cuma timbul persoalan lain pula, jika beliau masih hidup, di manakah dia berada sekarang?

Imam Bukhari, Abu Ya'la al-Farra' dan Ibrahim al-Harbi dan Abu Bakar Ibnu al-'Arabi mengatakan beliau sudah meninggal dunia. Antara dalilnya ialah:

(1) Dalam perang Badar Nabi s.a.w. berdoa:

اللَّهُمَّ أَنْجِزْ لِي مَا وَعَدْتَنِي اللَّهُمَّ آتِ مَا وَعَدْتَنِي اللَّهُمَّ إِنَّ تَهْلِكَ هَذِهِ الْعِصَابَةُ مِنْ أَهْلِ الْإِسْلَامِ لَا تُغْبِثُ فِي الْأَرْضِ

Bermaksud: Ya Allah, tunaikanlah untukku apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, tunaikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah, seandainya kumpulan kecil umat Islam ini musnah. Engkau tidak akan disembah di muka bumi ini. Jika Khadhir masih hidup, tentulah masih ada yang menyembah Allah s.w.t. dan tidak tepat kata-kata Baginda s.a.w. ini.

(2) Nabi s.a.w. bersabda: "Kalau Musa a.s. masih ada, tentulah dia akan mengikuti syariatku, dia akan bertemu dan berbai'ah kepadaku." Jika Khadhir adalah seorang Nabi seperti Nabi Musa a.s. dan masih hidup, tentulah beliau akan datang bertemu dan berbai'ah kepada Nabi Muhammad s.a.w.

(3) Nabi s.a.w. bersabda: "Selepas 100 tahun dari hari ini tidak ada seorang pun yang hidup pada hari ini akan ada di atas muka bumi". Tentunya Khadhir tidak terkecuali daripada sabda Rasulullah s.a.w. ini.

(4) Jika dikatakan Khadhir sudah ada sejak zaman Nabi Nuh atau Nabi Adam, Allah s.w.t. berfirman:

وَجَعَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ هُمُ الْبَاقِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Dan Kami jadikan zuriat keturunannya sahaja orang-orang yang tinggal hidup (setelah Kami binasakan kaumnya yang ingkar). (as-Shaffat:77).

Menunjukkan bahawa semua penumpang bahtera Nabi Nuh meninggal dunia kecuali yang dari keturunannya sahaja.

(5) Jika Khadhir masih hidup, umumnya tentu menjadi keajabian yang disebut di dalam al-Qur'an, tetapi tidak ada pula begitu, umur Nabi Nuh a.s. sahaja yang disebutkan, firman Allah:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا

Bermaksud: Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggalah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; (al-'Ankabut:14).

(6) Jika Khadhir sudah ada di zaman Nabi Adam, bukankah tubuh manusia pada masa itu jauh lebih tinggi dan besar, jika beliau masih hidup tentulah akan dapat dikesan dengan mudah kerana saiz badannya yang luar biasa. Jika beliau menjadi ghaib pula, untuk apa tujuan dia berselindung begitu? Mengapakah dia mampu bertemu dengan orang-orang jahil dan ahli maksiat tetapi tidak mampu bertemu dengan orang 'alim dan para anbiya'?

Adapun pertemuan dengan Khadhir yang disebut-sebut orang, ia adalah pertemuan di alam mitsal dan ia bukanlah suatu perkara yang mustahil kerana sesiapa sahaja yang

(daripada Allah) petunjuk jalan untuk sampai kepadanya. Maka Allah memberikan kepadanya ikan¹⁹⁹ sebagai tanda dan dikatakan kepadanya: "Bila

Allah s.w.t. kehendaki bertemu di alam mitsal akan bertemu jua termasuklah Nabi kita s.a.w.

Ibnu al-Qayyim dalam al-Manar al-Munif menyebutkan: "Hadits-hadits yang menyebutkan tentang Khadhir dan kehidupannya semuanya dusta dan tidak ada satu pun hadits tentang Khadhir masih hidup, misalnya hadits Rasulullah s.a.w. berada di dalam masjid kemudian Baginda mendengar ada suara bercakap dari belakang, Shahabat pergi untuk melihatnya, rupa-rupanya dia adalah Khadhir. Contohnya lagi hadits Khadhir dan Ilyas bertemu setiap tahun, dan hadits Jibril, Mika'il dan Khadhir berhimpun di awan. Semuanya karut dan palsu."

Ibnu al-Qayyim menyebutkan lagi bahawa Ibrahim al-Harbi ditanya tentang umur Khadhir kerana dikhabarkan umurnya yang sangat panjang, katanya: "Ini semua kerja syaitan". Imam Bukhari sendiri pernah ditanya tentang Khadhir dan Nabi Ilyas kerana ada yang menceritakan bahawa Nabi Ilyas masih hidup dan berada di atas langit, juga selalu bertemu dengan Khadhir di 'Arfah. Imam Bukhari menjawab dengan hadits ke-3 yang kita telah sebutkan tadi. Ramai lagi 'ulama'-'ulama' lain yang ditanya tentang Khadhir, mereka menjawab dengan firman Allah s.w.t.:

وَمَا جَعَلْنَا لِيَشْرَ مِنْ قَبْلِكَ الْخُلْدَ أَفَإِنَّ مِثَ فَهُمْ الْخَالِدُونَ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: Dan Kami tidak menjadikan seseorang manusia sebelumnya dapat hidup kekal (di dunia ini). Maka kalau engkau meninggal dunia (wahai Muhammad), adakah mereka akan hidup selama-lamanya? (al-Anbiya':34).

Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah pernah ditanya tentang Khadhir, beliau menjawab: "Kalau Khadhir masih hidup dengan keramatnya, wajib dia akan pergi bertemu Nabi Muhammad s.a.w., tetapi tidak ada sesiapa dalam mana-mana hadits menyebutkan kehadirannya dalam mana-mana peristiwa bersama Nabi s.a.w. yang shahih", beliau juga membawakan dalil hadits pertama yang telah disebutkan tadi. Imam Ahmad juga berpendapat sedemikian dengan menggunakan hadits ke-2 sebagai dalil.

Ibnu al-Jauzi mengatakan: "Ada 4 bukti Khadhir sudah meninggal dunia dan tidak kekal: (1) al-Qur'an (2) Sunnah (3) Ijma' (4) Qiyas".

Di dalam kamus tasawuf sendiri, istilah Khadhir tidak semestinya merujuk kepada satu individu manusia, ia juga digunakan untuk satu keadaan jiwa yang tenang, lega dan menghibau. Rasa sedih, takut pula digunakan istilah Alias.

¹⁹⁹ Ikan masin yang telah digoreng, suatu tanda yang pelik diberikan kepada Nabi Musa a.s., tanda pertemuannya dengan Khadhir juga suatu yang pelik. Ikan itu hidup kembali sebagai mu'jizat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Musa a.s. Ada juga 'ulama' yang mengatakan ikan itu hidup kerana terkena ماء الحياة 'air kehidupan' yang boleh jadi berpunca daripada air wudhu' murid Nabi Musa, Yusya', namun pendapat ini tiada asasnya.

Sesetengah 'ulama' pula berpendapat ikan itu memang hidup. Nabi Musa disuruh Allah membawanya hanya sebagai tanda tempat pertemuan Baginda dengan hambaNya yang

engkau kehilangan ikan itu, kembalilah semula (dengan menjejak kesan ikan yang menghilang itu) kerana engkau akan menemuinya". Musa pun mengikut kesan ikan yang menggelunsur ke dalam laut. Murid Musa (Yusya')²⁰⁰ pula berkata kepadanya: "Tahukah kamu tatkala kita mencari tempat berlindung di batu besar tadi,²⁰¹ sebenarnya aku lupa (menceritakan tentang) ikan itu dan tiadalah yang menyebabkan aku lupa (menceritakan tentang) ikan itu melainkan syaitan". Musa berkata: "Itulah yang kita cari". Mereka pun berpatah balik mengikut jejak-jejak mereka yang lepas, kemudian mereka berdua menemui

dimaksudkan. Di mana hilang ikan itu, di situlah tempat pertemuan dengannya. Bukanlah ikan itu dibawa Baginda sebagai (bekal) makanan.

²⁰⁰ Terdapat khilaf tentang adakah beliau menjadi seorang Nabi selepas Nabi Musa a.s. atau hanya sebagai khalifah sahaja. Pendapat yang disepakati ialah beliau merupakan murid Nabi Musa a.s. yang menjadi khalifah selepas kewafatan Musa dan menjadi Nabi selepasnya.

²⁰¹ Ada riwayat yang mengatakan mereka berlindung di suatu batu besar kerana letih, ada juga yang mengatakan bahwa sepanjang perjalanan sejauh itu Nabi Musa a.s. tidak merasa letih dan hanya makan sedikit sahaja, ada juga riwayat yang mengatakan Baginda langsung tidak makan kerana bermunajat dengan Allah s.w.t. sahaja untuk bertemu satu orang yang dijanjikan Allah. Ketika Baginda berhenti untuk makan, mulalah timbul rasa letih sehingga terlupakan ikan, ia disebabkan tawajjuh untuk bermunajat kepada Allah s.w.t. sahaja sudah sedikit terpesong. Dalam usaha mencari ilmu terutama ilmu agama, hati seseorang itu mestilah tumpu kepada Allah s.w.t. sahaja agar sentiasa mendapat pertolongan dan bantuan dariNya, sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا يَغَيِّرُ اللَّهَ أَوْ أَرَادَ بِهِ غَيْرَ اللَّهِ فَلَيْسَ بِنَبِيٍّ مُتَعَدٍّ مِنَ النَّارِ

Bermaksud: Barangsiapa yang mempelajari ilmu kerana selain Allah, atau menghendaki selain Allah, maka hendaklah dia menyediakan tempat duduknya di neraka.

Apabila tawajjuh Nabi Musa a.s. beralih dari munajat kepada Allah s.w.t., Baginda terlelap kerana keletihan, muridnya Yusya' tidak tertidur bersamanya dan ketika itulah dia menyaksikan ikan yang telah dimakan separuh itu kembali mengelepar dan melompat ke laut, tempat yang dimasuki ikan itu menjadi berlubang, Yusya' tidak menyedarkan Nabi Musa kerana ingin membiarkannya rehat. Setelah Nabi Musa a.s. sedar, Baginda terus berjalan dengan segera sehingga muridnya Yusya' yang mengikutinya itu terlupa kisah aneh yang berlaku kepadanya tadi, perjalanannya diteruskan sehingga sampai waktu makan yang seterusnya pula, kemudian Nabi Musa a.s. bertanya seperti yang disebutkan di dalam hadits, kesusahan ini disengajakan Allah kepada Nabi Musa supaya Baginda menyedari betapa susahnya untuk mendapatkan sesuatu dan tidak boleh ada walaupun sedikit bayangan kesombongan pada seorang Nabi.

Khadhir. Setelah itu berlakulah kisah yang disebut oleh Allah berhubung dengan mereka berdua di dalam kitabnya.²⁰²

²⁰² Antara pedoman dan pengajaran yang dapat diambil dari hadits ini ialah:

(1) Daripada kisah ini dapatlah diyakini bahawa ilmu itu sangatlah luas dan sebanyak mana yang diketahui oleh Nabi Musa a.s. itu hanyalah sedikit sahaja, benarlah firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَوْثَقُكُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٠﴾

Bermaksud: dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja. (al-Isra:85).

(2) Sesetengah ilmu susah untuk dicari, namun minat yang tinggi dan usaha tanpa henti akan membuahkan hasilnya, firman Allah menceritakan semangat Nabi Musa a.s.:

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَتْلِهِ لَا أَبْرَحُ حَتَّى أَبْلُغَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا ﴿٥١﴾

Bermaksud: Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: "Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun". (al-Kahfi:60).

(3) Sesuatu perbincangan ilmu kadang-kadang tidak dapat diselesaikan sesama pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang setaraf, tetapi memerlukan kepada guru atau seseorang yang lebih tahu dan mungkin juga lebih tua atau berpengalaman untuk tampil memberikan penjelasan yang lebih lanjut.

(4) Tidak ada penjelasan yang lebih meyakinkan selain sabdaan Rasulullah s.a.w. yang merupakan wahyu dari Allah s.w.t.

(5) Keharusan berlayar dan menjelajah ke tempat asing untuk mencari ilmu samada ilmu syariat atau tentang kejadian alam.

(6) Niat mempelajari agama mestilah betul kerana Allah s.w.t., untuk meninggikan agamaNya, membela dan mempertahankan agamaNya dari gangguan dan pencerobohan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

(7) Jangan sempitkan ilmu Allah s.w.t. dengan mengatakan ilmu hanya diperolehi dengan usaha, tapi perlulah juga mempunyai hubungan rohani denganNya kerana Dialah yang memberikan ilmu dari sisiNya iaitu yang diberiNya secara ladunni.

(8) Sesetengah perkara zahirnya baik tetapi pada hakikatnya tidak, sesetengah yang lain pula zahirnya tidak elok tetapi hakikatnya sangatlah bagus, firman Allah s.w.t.

وَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَعَسَى أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Bermaksud: dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya. (al-Baqarah:216).